

26 NOV 1997

Kabinet-Cuti

ANGGOTA KABINET DIMINTA CUTI DI DALAM NEGARA

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Mesyuarat kabinet hari ini memutuskan supaya menteri bercuti di dalam negeri selaras dengan langkah jimat cermat kerajaan.

"Mesyuarat jemaah menteri perakui keputusan yang dibuat oleh mesyuarat khas Majlis Tertinggi Umno minggu lepas," kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik.

Sehubungan itu, kementeriannya akan mempertingkatkan lagi galakkan pelancongan domestik, katanya kepada Bernama di pejabatnya selepas pulang daripada menghadiri mesyuarat mingguan kabinet yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berada di luar negara untuk menghadiri Persidangan Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di (APEC) di Vancouver, Kanada.

Sabbaruddin berkata keputusan kabinet itu adalah satu teladan yang perlu dicontohi oleh seluruh rakyat negara ini bagi menyahut gesaan kerajaan untuk mengawal pengaliran keluar pertukaran wang asing.

Mengenai hubungan Malaysia-Singapura pula, Sabbaruddin menyambut baik kenyataan yang dibuat oleh Pemangku Perdana Menteri Singapura Brig-Gen Lee Hsien Loong kelmarin bahawa republik itu mestilah menguruskan perhubungan baik dengan Malaysia secara sensitif dan berkerjasama secara pragmatik bagi kepentingan bersama di mana yang mungkin.

"Sebagai sahabat lama dan berjiran pula, Malaysia dan Singapura hendaklah lebih prihatin, peka dan berhati-hati antara satu sama lain agar tidak timbul perasaan wasangka," katanya.

"Lebih-lebih lagi sahabat karib begitu lama, jika sesuatu perkara yang tidak menyenangkan berlaku, sudah tentu ia amat menyakitkan hati," katanya.

Malaysia menyaksikan hampir 50 peratus keseluruhan ketibaan pelancong di negara ini terdiri daripada rakyat republik itu setiap tahun. -- BERNAMA

SJA WAT